



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA KERJA SUKARELAWAN MELALUI *TOUCH POINT* BANTU MASYARAKAT

BETONG, 3 Februari 2018 – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui agensinya Institut Sosial Malaysia (ISM) telah mengadakan program kesukarelawanan bersama penduduk di kawasan di Masjid Ar-Rahman, Kg. Pusa. Betong.

Program yang telah melibatkan 150 orang sukarelawan daripada pelbagai pihak dan agensi melalui pendekatan *NBOS* melibatkan sukarelawan JKM, TANGKAS, PERWANI, Komuniti Rukun Tetangga (KRT), Persatuan Kelab Warga Emas, Belia SEBERKAS dan PEWARIS serta masyarakat setempat.

Program yang berlangsung selama setengah hari turut melibatkan penyertaan YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang juga Ahli Parlimen Batang Lepar, bersama barisan ahli Majlis Pengurusan Tertinggi (MPT) KPWKM.

Program gotong-royong ini bertujuan untuk memupuk semangat kerjasama dalam kalangan ahli masyarakat di dalam menjaga kebersihan persekitaran. Ia juga diharap dapat memupuk semangat mencintai alam sekitar dan bertanggungjawab menjaga alam sekitar, harta hak milik awam termasuk persendirian.

“Sukarelawanan juga boleh menyumbangkan tenaga kerja dan bantuan kepada penduduk setempat dan berhampiran dengan cepat, tangkas dan sistematik

apabila diperlukan seperti sewaktu bencana alam dan musibah-musibah lain, di samping sebagai barisan hadapan dalam menyampaikan apa-apa maklumat kepada penduduk setempat. Selain itu, mereka juga diharap dapat melibatkan diri dalam program amal yang dianjurkan oleh Kementerian di kawasan setempat dan daerah yang berhampiran pada masa yang akan datang,” kata YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim.

Bermula dari tahun 2010 sehingga Disember 2017, seramai 12, 796 orang telah dilatih oleh ISM di mana 1,111 orang sukarelawan telah menyertai Bengkel Asas, 440 orang menyertai Bengkel Kejurulatihan (TOT) manakala sebanyak 11,281 orang sukarelawan menyertai program outreach. Kesemua mereka yang dilatih oleh ISM ini adalah didaftarkan di dalam pangkalan data sukarelawan di ISM.

#####

Disediakan oleh : Unit Komunikasi Korporat
Institut Sosial Malaysia
Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat
Lot PT 13856, KM 6
Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban,
Sungai Besi, 57100 Kuala Lumpur

Telefon : 019-3105163 (Zubaidi)/016-8008375 (Hazliza)
Tarikh : 3 Februari 2018